

01/05/2003

The Economist enggan mohon maaf

KUALA LUMPUR: Majalah mingguan, The Economist, yang beribu pejabat di London bertegas tidak akan memohon maaf seperti dituntut pemimpin Malaysia berikutan laporannya memperkecilkan sumbangan dan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Penulis rencana khas 'A Survey of Malaysia' dalam The Economist keluaran 5-11 April itu, Christopher Lockwood, berkata tindakan untuk memohon maaf tidak perlu.

"Kedudukan majalah kami ialah tidak perlu mohon maaf, kerana kita tetap dengan pendirian laporan khas itu," katanya dalam jawapan bertulis menerusi e-mel kepada Berita Harian, semalam.

Beliau berkata, pihaknya setakat ini belum menerima sebarang aduan rasmi daripada mana-mana pihak termasuk kerajaan Malaysia mengenai laporan setebal 13 halaman itu.

"Kami cuma diberitahu secara lisan dari Malaysia yang menuntut The Economist meminta maaf. Namun, kami tidak boleh berbuat apa-apa jika kerajaan Malaysia mengambil keputusan untuk mengharamkan pendedaran The Economist di negara ini.

"Bagaimanapun, pelanggan kami masih boleh terus membacanya menerusi laman online," katanya.

Sabtu lalu, Pemangku Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, majalah The Economist perlu memohon maaf kepada Malaysia dan rakyatnya kerana menerbitkan laporan tidak ikhlas mengenai negara ini.

Abdullah dipetik sebagai berkata bahawa majalah itu bertanggungjawab penuh terhadap laporan rencana berkenaan kerana fakta dan maklumat yang terkandung di dalamnya tidak betul.

Selain Abdullah, pelbagai pihak lain turut meminta majalah itu memohon maaf dan diharamkan pendedarannya.

The Economist dalam laporan keluaran 5-11 April lalu, antara lain membuat rumusan bahawa Dr Mahathir mungkin boleh ditakrifkan sebagai gagal kerana impian beliau menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju seperti dihasratkan melalui Wawasan 2020 menjelang tahun 2020, amat sukar dicapai.

Majalah itu bukan saja memperkecilkan keupayaan Dr Mahathir yang dianggapnya sebagai seorang diktator, malah memandang rendah corak kepemimpinan penggantinya, Abdullah.

Selain itu, The Economist memberi gambaran betapa Menara Berkembar Petronas kelihatan berdiri megah, membayangkan sebuah negara kaya, tetapi bukan sebuah negara maju dengan pendapatan perkapita cuma AS\$4,000 seorang.